

**D.R. 7/93**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950.

[

1

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keterangan (Pindaan) 1993. Tajuk nngkas.

2. Seksyen 3 Akta Keterangan 1950, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 3. Akta 56

(a) dengan menggantikan takrif "dokumen" dengan yang berikut:

' "dokumen" ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan—

(a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;

- (b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
- (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c),

atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan, hal itu;

### MISALAN

Tulisan ialah dokumen.

Perkataan yang dicetak, dilitografkan atau difotografkan ialah dokumen.

Peta, pelan, graf atau lakaran ialah dokumen.

Inskripsi pada kayu, logam, batu, atau apa-apa benda, bahan atau barang lain ialah dokumen.

Lukisan, citra, gambar atau karikatur ialah dokumen.

Fotograf atau negatif ialah dokumen.

Rakaman pita komunikasi telefon, termasuklah rakaman komunikasi sedemikian yang dipancarkan dari suatu jarak, ialah dokumen.

Rakaman fotografi atau rakaman visual lain, termasuklah rakaman pemancaran fotografi atau pemancaran visual lain dari suatu jarak, ialah dokumen.

Hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapatkan semula atau dikeluarkan oleh komputer ialah dokumeii.';

(b) dengan memasukkan, selepas takrif "fakta isu", takrif baru yang berikut:

' "filem" termasuk mikrofilem dan apa-apa negatif;';

(c) dengan memasukkan, selepas takrif "keterangan" takrif baru yang berikut:

' "komputer" ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau hal lain, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, komputer-komputer itu hendaklah dikira sebagai satu komputer; dan

(d) dengan memasukkan, selepas takrif "mahkamah" takrif-takrif baru yang berikut:

' "mikrofilem" ertinya apa-apa bahan lutsinar yang mempunyai imej visual dalam saiz yang dikurangkan sama ada secara tunggal atau sebagai suatu siri dan termasuk mikrofis;

"negatif" ertinya suatu fotograf negatif lutsinar pada apa-apa benda atau bahan, dan termasuk apa-apa fotograf negatif lutsinar yang dibuat daripada fotograf negatif asal;

Seksyen  
baru 31A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, di bawah subtajuk "*Pengakuan dan Pengakuan Salah*", seksyen baru 31A yang berikut selepas seksyen 31:

"Kebolehtenmaan pernyataan dalam prosiding jenayah.

31A. (1) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah, suatu pernyataan, sama ada bertulis atau lisan, yang dibuat oleh mana-mana orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan, diterima sebagai keterangan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, maka, walau apa jua pun yang terkandung dalam undang-undang bertulis itu, pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan, atau dikemukakan dalam, atau dipertimbangkan oleh, mahkamah, melainkan jika keterangan tentang pernyataan itu diberikan—

(a) oleh pegawai yang kepadanya pernyataan itu dibuat; atau

(b) oleh orang yang dipertuduh atas kesalahan itu.

(2) Subseksyen (1) tidaklah menyentuh pemakaian peruntukan seksyen 90A, 90s, 90c, 145 dan 155."

Pindaan  
seksyen 32.

4. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah pada penghujung perenggan (h) dengan koma bernoktah dan memasukkan, selepas perenggan (h), perenggan baru (i) dan (j) yang berikut:

"(i) apabila pernyataan itu dibuat dalam perjalanan, atau bagi tujuan, suatu penyiasatan atau siasatan mengenai suatu kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis; dan

(j) jika pernyataan itu dibuat oleh pegawai awam pada menjalankan tugasnya."; dan

(b) dengan menomborkan semula seksyen 32 sebagai subseksyen (1) seksyen 32 dan memasukkan, selepas subseksyen (1) itu, subseksyen baru (2) seperti yang berikut:

"(2) Peruntukan-peruntukan perenggan (i) dan (j) subseksyen (1) hendaklah terpakai hanya berhubungan dengan prosiding jenayah."

5. Subseksyen (3) seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 60.

(a) dengan menggantikan perkataan "lain daripada" dengan perkataan "termasuk"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan "benda itu" perkataan "atau dokumen itu".

6. Seksyen 62 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas *Huraian 2*, *Huraian 3* baru seperti yang berikut: Pindaan seksyen 62

"*Huraian 3* - Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer adalah keterangan primer."

7. Seksyen 63 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "melihat sendiri dokumen itu" dalam perenggan (e) dengan perkataan "melihat atau mendengar sendiri dokumen itu atau menanggapinya sendiri dengan apa jua cara." Pindaan seksyen 63.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 78, seksyen 78A baru yang berikut: Seksyen baru 78A

"Bukti dokumen awam yang dikeluarkan oleh komputer 78A. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 77 dan 78, peruntukan seksyen 90A, 90s dan 90c hendaklah terpakai bagi dokumen awam."

Subtajak  
baru dan  
seksyen  
baru 90A,  
90B dan 90c.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, dalam Bab V, selepas seksyen 90, subtajak baru dan seksyen baru 90A, 90B, dan 90C yang berikut:

" *Dokumen Yang Dikeluarkan Oleh Komputer*

Keboleh-  
terimaan  
dokumen  
yang di-  
keluarkan  
oleh kom-  
puter, dan  
pernyataan  
yang ter-  
kandung  
dalamnya.

90A. (1) Dalam mana-mana presiding jenayah atau sivil sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya jika dokumen itu telah dikeluarkan oleh komputer itu dalam perjalanan penggunaannya yang biasa, sama ada atau tidak seseorang yang mengemukakan dokumen itu adalah pembuat dokumen atau pernyataan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini bolehlah dibuktikan bahawa sesuatu dokumen telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa dengan mengemukakan kepada mahkamah suatu perakuan yang telah ditandatangani oleh seseorang yang sama ada sebelum atau selepas pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu adalah bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer itu, atau bagi perjalanan aktiviti-aktiviti yang baginya komputer itu digunakan.

(3) (a) Adalah mencukupi, dalam sesuatu perakuan yang diberikan di bawah subseksyen (2), jika suatu hal dinyatakan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan orang yang menyatakannya.

(b) Sesuatu perakuan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh diterima sebagai keterangan sebagai bukti *prima facie* bagi semua hal yang dinyatakan dalamnya tanpa bukti tandatangan orang yang memberikan perakuan itu.

(4) Jika sesuatu perakuan diberikan di bawah subseksyen (2), hendaklah dianggap bahawa komputer yang disebut dalam perakuan itu adalah dalam keadaan yang baik dan beroperasi dengan baik dari segala segi sepanjang bahagian material tempoh dokumen itu dikeluarkan.

(5) Sesuatu dokumen hendaklah disifatkan telah dikeluarkan oleh komputer sama ada ia telah dikeluarkan olehnya secara langsung atau dengan menggunakan apa-apa kelengkapan yang sesuai, dan sama ada atau tidak terdapat apa-apa campur tangan manusia secara langsung atau tidak langsung.

(6) Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, boleh diterima sebagai keterangan sama ada atau tidak ia dikeluarkan oleh komputer itu selepas bermulanya presiding jenayah atau sivil atau selepas bermulanya apa-apa penyiasatan atau siasatan berhubungan dengan presiding jenayah atau sivil atau penyiasatan atau siasatan itu, dan apa-apa dokumen yang dikeluarkan sedemikian oleh komputer itu hendaklah disifatkan telah dikeluarkan oleh komputer itu dalam perjalanan penggunaannya yang biasa.

(7) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini, sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, tidak boleh diterima dalam keterangan dalam apa-apa presiding jenayah, jika ia diberikan sebagai keterangan oleh atau bagi pihak orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan dalam presiding itu jika orang yang dipertuduh atas kesalahan itu ialah orang yang—

(a) bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer itu atau bagi

perjalanan aktiviti-aktiviti yang baginya komputer itu digunakan; atau

- (b) dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu.

Nilai yang boleh diberikan kepada dokumen atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen, yang diterima menurut kuasa seksyen 90A

90B. Dalam menganggarkan nilai, jika ada, yang hendak diberikan kepada sesuatu dokumen, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam suatu dokumen, yang diterima menurut kuasa seksyen 90A, mahkamah—

- (a) boleh membuat apa-apa kesimpulan yang munasabah daripada hal keadaan yang berhubungan dengan dokumen atau pernyataan itu, termasuklah cara dan tujuan pewujudannya, atau ketepatannya atau selainnya;

(b) hendaklah mengambil kira—

- (i) lat masa antara berlakunya atau wujudnya fakta-fakta yang dinyatakan dalam dokumen atau pernyataan itu dengan pembekalan maklumat atau hal yang relevan itu ke dalam komputer; dan
- (ii) sama ada atau tidak orang yang membekalkan, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pembekalan, maklumat itu atau penjagaan dokumen itu, atau dokumen yang mengandungi pernyataan itu, mempunyai apa-apa insentif untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan semua atau mana-mana fakta yang dinyatakan dalam dokumen atau pernyataan itu.

Seksyen 9A dan 90B mengatasi penintukan-peruntukan lain Akta ini, Akta Buku Juru-bank (Keterangan) 1949, dan mana-mana undang-undang bertulis. *Akta 33.*

90c. Peruntukan seksyen 90A dan 90s hendaklah mengatasi dan mempunyai kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun apa-apa jua yang tak konsisten dengannya, atau berlawanan dengannya, yang terkandung dalam mana-mana peruntukan lain Akta ini, atau dalam Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949, atau dalam mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pemerakuan, pengeluaran atau pencabutan dokumen-dokumen atau dalam mana-mana rukun undang-undang atau amalan yang berhubungan dengan pengemukaan, penerimaan, atau pembuktian, keterangan dalam mana-mana presiding jenayah atau sivil."

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Keterangan 1950 ("Akta") dengan memasukkan peruntukan baru yang tertentu dan meminda peruntukan yang sedia ada yang tertentu.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 Akta yang mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta.

Pindaan utama dibuat di bawah perenggan (*a*) *fasal* ini yang melaluinya takrif "dokumen" digantikan dengan takrif baru yang merangkumi semua bentuk pernyataan atau perihalan pada apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, dan secara nyata memasukkan ke dalam skop pengertian "dokumen" apa-apa hal yang terkandung dalam sesuatu cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain dengan menggunakan bentuk-bentuk pernyataan yang dinyatakan di bawah perenggan (*a*), (*b*), (*c*) dan (*d*) takrif itu.

Misalan bagi takrif itu telah dipinda supaya termasuk dalam pengertian "dokumen" bentuk-bentuk tertentu dokumen yang dalam skop takrif baru itu, seperti rakaman pita komunikasi telefoni, rakaman fotografi atau rakaman visual lain, dan hal-hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapatkan semula atau dikeluarkan oleh komputer.

Di bawah perenggan (*c*) *fasal 2*, takrif "komputer" dimasukkan kerana peruntukan baru yang berhubungan dengan keterangan yang dikeluarkan oleh komputer dimasukkan ke dalam Akta oleh *fasal-fasal* yang berikutan dalam Rang Undang-Undang ini.

Perenggan (b) dan (d) fasal (2) Rang Undang-Undang memasukkan takrif "filem" dan "negatif", iaitu perkataan-perkataan yang digunakan dalam takrif baru "dokumen" yang tersebut di atas. Perkataan "mikrofilem" juga ditakrifkan kerana ia digunakan dalam takrif "filem".

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 31A ke dalam Akta yang memperuntukkan bahawa dalam prosiding jenayah suatu pernyataan bertulis atau lisan, yang dibuat oleh orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan, yang boleh diterima sebagai keterangan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, akan hanya menjadi boleh diterima sedemikian jika keterangan tentang pernyataan itu diberikan oleh pegawai polis yang kepadanya ia dibuat atau oleh orang yang dipertuduh atas kesalahan itu.

Walau bagaimanapun, subseksyen (2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penghadan di atas tidak menyentuh peruntukan seksyen 90A, 90B dan 90c yang berhubung dengan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau peruntukan seksyen 145 yang berhubung dengan pemeriksaan balas tentang pernyataan bertulis yang dahulu. atau peruntukan seksyen 155 yang berhubung dengan pencabaran kebolehpercayaan saksi.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 32 Akta dengan menambahkan dua perenggan baru (i) dan (j). Perenggan (i) membolehkan suatu pernyataan yang dibuat dalam perjalanan, atau bagi tujuan. suatu penyiasatan atau siasatan mengenai suatu kesalahan di bawah atau menurut kuasa undang-undang bertulis sendirinya menjadi fakta relevan jika ia dibuat oleh orang yang sudah mati, atau tidak dapat ditemui, atau yang tidak didapati atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam seksyen 32.

Begitu juga, perenggan baru (j) membolehkan suatu pernyataan yang dibuat oleh pegawai awam pada menjalankan tugas-tugasnya sendirinya menjadi fakta relevan jika pegawai awam itu mati, atau tidak dapat ditemui, atau tidak didapati atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam seksyen 32. Melalui subseksyen baru (2) yang hendak ditambahkan ke dalam seksyen 32, peruntukan-peruntukan perenggan baru (i) dan (j) yang tersebut di atas akan hanya terpakai berhubung dengan prosiding jenayah.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen (3) seksyen 60 Akta yang sedia ada yang mengetepikan pengemukaan dokumen bagi pemeriksaan mahkamah. Pindaan ini akan membolehkan dokumen dimasukkan sebagai bahan yang boleh dikemukakan di hadapan mahkamah dan diperiksa oleh mahkamah.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 62 Akta dengan memasukkan huraian baru bagi erti dokumen primer dan dengan itu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dijadikan keterangan primer.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda perenggan (e) seksyen 63 Akta untuk membawa ke dalam skop keterangan sekunder keterangan lisan tentang kandungan dokumen yang diberikan oleh orang yang mendengar dokumen itu, atau menanggapinya dengan apa-apa jua cara.

8. *Fasal 8* memasukkan seksyen baru 78A ke dalam Akta yang dengannya seksyen 90A, 90B dan 90c yang berhubungan dengan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dijadikan terpakai bagi dokumen awam walau apa pun peruntukan seksyen 77 dan 78 yang berhubungan dengan pembuktian dokumen awam.

9. *Fasal 9* memasukkan seksyen baru 90A, 90B dan 90c ke dalam Bab V Akta yang mengandungi peruntukan-peruntukan tentang keterangan dokumen.

Seksyen baru 90A dengan jelas memperuntukkan bahawa dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau suatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, akan boleh diterima dalam mana-mana guaman atau presiding sebagai keterangan bagi apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya. Kebolehterimaan dokumen komputer adalah dibuat tertakluk kepada syarat bahawa dokumen itu dikeluarkan dalam perjalanan penggunaan biasa komputer itu bagi tujuan itu.

Subseksyen (2) seksyen 90A memperuntukkan bahawa hal-hal yang dinyatakan di atas yang berhubungan dengan syarat kebolehterimaan boleh dibuktikan dengan perakuan yang diberikan oleh orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer atau bagi perjalanan aktiviti-aktiviti yang baginya komputer itu telah digunakan.

Subseksyen (3) adalah berhubungan dengan kandungan dan kebolehterimaan perakuan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

Subseksyen (4) mengadakan peruntukan bagi anggapan bahawa komputer yang berkenaan dengannya perakuan diberikan di bawah subseksyen (2) adalah dalam keadaan yang baik dan beroperasi dengan sepatutnya dari semua segi sepanjang bahagian material tempoh dokumen itu dikeluarkan oleh komputer itu.

Subseksyen (5) mengadakan peruntukan supaya dokumen yang dikeluarkan oleh komputer disifatkan telah dikeluarkan sedemikian dalam hal apabila ia dikeluarkan dengan menggunakan kelengkapan yang sesuai, sama ada atau tidak terdapat apa-apa campur tangan manusia secara langsung atau tidak langsung.

Subseksyen (6) membolehkan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer selepas bermulanya prosiding jenayah atau sivil, atau apa-apa penyiasatan atau siasatan yang berhubungan dengannya, diterima sebagai keterangan dan disifatkan telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa.

Subseksyen (7) bertujuan memperuntukkan bahawa dokumen yang dikeluarkan oleh komputer atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam presiding jenayah jika ia diberikan oleh atau bagi pihak orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan jika orang itu bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer itu atau bagi perjalanan aktiviti-aktiviti yang baginya komputer itu digunakan, atau dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengeluaran dokumen oleh komputer itu.

Seksyen 90B membenarkan mahkamah membuat kesimpulan-kesimpulan daripada hal keadaan yang berhubungan dengan keterangan yang boleh diterima di bawah seksyen 90A, termasuklah cara dan tujuan pewujudannya dan kandungannya. tujuan pengemukaannya sebagai keterangan, dan keberkesanan fizikal komputer, kelengkapan dan peranti lain yang digunakan dalam mewujudkan dokumen itu, apabila menimbangkan nilai probatif keterangan itu. Untuk membantu mahkamah berbuat demikian, seksyen ini juga mengadakan peruntukan bagi faktor-faktor yang boleh diambil kira oleh mahkamah dalam menganggarkan nilai yang hendak diberikan kepada dokumen komputer atau pernyataan yang terkandung dalamnya, yang dijadikan boleh diterima di bawah seksyen 90A. Faktor-faktor ini termasuk hal keadaan yang di bawahnya kesimpulan boleh dibuat tentang ketepatan, pembekalan semasa maklumat yang direkodkan, dan insentif untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan apa-apa fakta oleh mana-mana orang yang terlibat dengan pengemukaan keterangan sedemikian.

Seksyen 90C menjelaskan bahawa seksyen 90A dan 90B hendaklah mempunyai kuatkuasa walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta atau dalam Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949 atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pemerakuan, pengeluaran atau pencabutan dokumen, atau dalam rukun undang-undang atau amalan yang berhubungan dengan pengemukaan, penerimaan, atau pembuktian, keterangan dalam mana-mana presiding jenayah atau sivil yang tak konsisten dengan peruntukan baru itu.

#### ***IMPLIKASI KEWANGAN***

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1629.]